

CIAST

PROSIDUR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

TINDAKAN KECEMASAN KEBAKARAN DAN PENGOSONGAN BANGUNAN

DISEDIAKAN OLEH :	DILULUSKAN OLEH :		
AMIR BIN MOHAMED	DR. MOHAMAD BIN SULAIMAN K.M.N		
TANDATANGAN :	TANDATANGAN :		
TARIKH :	TARIKH :		
1 .02.2018	1 .02.2018		
NO. DOKUMEN :			
CIAST-PKKP-03			
NO. SEMAKAN : 1	NO. RPD : 1	TKH. KUATKUASA : 01.02.2018	MUKA SURAT : 1 DRP 9

 CIAST	PROSIDUR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN	NO. SEMAKAN : 1
	TINDAKAN KECEMASAN KEBAKARAN DAN PENGOSONGAN BANGUNAN	NO. RPD : 0
CIAST-PKKP-03		TKH. KUATKUASA : 01.10.09
		MUKA SURAT : 2 DRPD 9

1. OBJEKTIF

- 1.1 Menjelaskan langkah-langkah semasa tindakan kecemasan kebakaran dan pengosongan bangunan yang berkesan bagi tujuan mengatasi semua jenis kemalangan yang mungkin berlaku di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST).
- 1.2 Meminimumkan kesan kemalangan ke atas manusia dan harta benda di dalam dan luar kawasan Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST).
- 1.3 Menetempatkan kecemasan di dalam kawasan Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) atau jika boleh membasinya; dan
- 1.4 Memenuhi keperluan undang-undang negara.

2. SKOP

- 2.1 Prosidur ini hendaklah digunakan semasa tindakan kecemasan kebakaran dan pengosongan bangunan dijalankan di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST).

3. TANGGUNGJAWAB

- 3.1 Semua pegawai, kakitangan, kontraktor, pelawat dan pelatih hendaklah bertanggungjawab melaksanakan tindakan kecemasan kebakaran dan pengosongan bangunan.
- 3.2 Unit Kecemasan Kebakaran dan Pengosongan Bangunan hendaklah bertanggungjawab melaksanakan prosedur kecemasan kebakaran dan pengosongan bangunan.

4. DEFINASI DAN TERMINOLOGI

- | | | |
|-----------|---|--|
| 4.1 CIAST | - | Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan. |
| 4.2 PKK | - | Pegawai Keselamatan dan Kesihatan |
| 4.3 JKKP | - | Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan |

 CIAST	PROSIDUR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN	NO. SEMAKAN : 1
		NO. RPD : 0
	TINDAKAN KECEMASAN KEBAKARAN DAN PENGOSONGAN BANGUNAN	TKH. KUATKUASA : 01.10.09
CIAST-PKKP-03	MUKA SURAT : 3 DRPD 9	

5. PROSIDUR

AM

1. Kebakaran boleh berlaku di mana-mana sahaja di dalam satu-satu bangunan tanpa mengira masa. Oleh hal yang demikian, adalah wajar setiap kakitangan/pelatih/pelawat/kontraktor mengetahui tindakan yang perlu diambil sekiranya berlaku kebakaran. Semua kakitangan/pelatih/kontraktor/pembekal/pelawat adalah diingatkan supaya bertindak dengan tenang, jangan cemas apabila menghadapi keadaan begini.
2. Bersama prosidur ini menerangkan beberapa tindakan yang perlu di ambil sekiranya berlaku kecemasan kebakaran dan tindakan pengosongan bangunan. Satu salinan hendaklah dipamerkan di papan kenyataan di semua bangunan.

TINDAKAN APABILA BERLAKU KEBAKARAN

- 5.3 Tindakan berikut boleh dijadikan prosedur tetap dan garis panduan apabila berlaku kebakaran.

5.3.1 Isyarat Kebakaran

Membunyikan sistem penggera kebakaran (alarm) dengan memecahkan "break glass" yang sedia ada di setiap paras bangunan.

TANDA BUNYI KEBAKARAN MENGANDUNG BUNYI LOCENG YANG BERULANG - ULANG.

Sesiapa pun tidak dibenarkan memasuki bangunan apabila loceng kecemasan dibunyikan.

- 5.3.2 **Memberitahu Pengawal Insiden/Pegawai-pegawai Insiden (sila rujuk No. Dokumen : BKKP-03-01)** yang bertugas di kawasan tersebut atau menghubungi **Pondok Pengawal Keselamatan** sambungan telefon **8402** atau **Warden Asrama** sambungan telefon **8220**. Pondok Pengawal Keselamatan dan Warden Asrama berfungsi 24 jam setiap hari.

 CIAST	PROSIDUR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN	NO. SEMAKAN : 1
	TINDAKAN KECEMASAN KEBAKARAN DAN PENGOSONGAN BANGUNAN	NO. RPD : 0
CIAST-PKKP-03		TKH. KUATKUASA : 01.10.09
		MUKA SURAT : 4 DRPD 9

5.3.3 Keluar Menyelamatkan Diri

Semua kakitangan/pelatih/kontraktor/pembekal/pelawat hendaklah keluar daripada bangunan dan berkumpul di **CHECK POINT** (LAMPIRAN 03-01).

5.3.4 Panggilan Baris (*Roll Call*)

Semua kakitangan / pelatih / kontraktor / pembekal / pelawat adalah bertanggungjawab melaksanakan panggilan baris (roll-call) di "**CHECK POINT**" (LAMPIRAN 03-01) dengan segera apabila mendengar isyarat kebakaran.

5.3.5 Memadam Kebakaran

Pengawal Insiden/Pegawai-pegawai Insiden dan kakitangan yang terlatih sahaja dibenarkan untuk memadamkan kebakaran supaya ianya dapat dikawal.

Perhatian :

Jika anda memerlukan :

PANGGILAN KECEMASAN, sila dail **999**.

Alamat penuh :

**PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN
(CIAST),
PETI SURAT 7012, JALAN PETANI 19/1, SEKSYEN 19, 40900
SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.**

No. telefon :

03 55438200

 CIAST	PROSIDUR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN	NO. SEMAKAN : 1
	TINDAKAN KECEMASAN KEBAKARAN DAN PENGOSONGAN BANGUNAN	NO. RPD : 0
CIAST-PKKP-03		TKH. KUATKUASA : 01.10.09
		MUKA SURAT : 5 DRPD 9

PERINGATAN:

Apabila kedengaran loceng kebakaran berbunyi iaitu sebagai isyarat berlaku kebakaran, semua kakitangan/pelatih/kontraktor/pembekal/pelawat hendaklah;

- a. Berhenti kerja.
- b. Berhentikan semua mesin.
- c. Matikan semua kuasa elektrik.
- d. Tutup gas atau lain-lain bahan yang mudah terbakar dari terdedah.
- e. Tutup semua tingkap dan pintu.
- f. Keluar melalui lorong jalan yang mudah dan jangan menggunakan lif.
- g. Jangan berlari.
- h. Jangan tolak menolak antara satu sama lain.
- i. Jangan sengaja buat bising.
- j. Jangan buat tidak tentu arah dan kelam kabut (panik).
- k. Jangan berpatah balik kebelakang untuk mengambil barang-barang yang tertinggal.
- l. Jangan duduk di dalam tandas atau stor.
- m. Mestilah bekerjasama dan ikut arahan.

 CIAST	PROSIDUR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN	NO. SEMAKAN : 1
	TINDAKAN KECEMASAN KEBAKARAN DAN PENGOSONGAN BANGUNAN	NO. RPD : 0
CIAST-PKKP-03		TKH. KUATKUASA : 01.10.09
		MUKA SURAT : 6 DRPD 9

5.3.6 Tindakan PEGAWAI-PEGAWAI INSIDEN

- a. Menyiasat tempat kebakaran.
- b. Bunyikan "alarm" atau "wisel" (jika "alarm" otomatik tidak berbunyi).
- c. Sekiranya kebakaran berlaku diperangkat awal dan tidak mengancam keselamatan diri, padamkan segera.
- d. Jika didapati kebakaran tersebut telah merebak dan ada penghuni di bangunan tersebut, beri arahan mengosongkan bangunan.
- e. Arahkan kakitangan/pelatih/kontraktor/pembekal/pelawat keluar melalui pintu kecemasan sahaja.
- f. Arahkan kakitangan/pelatih/kontraktor/pembekal/pelawat menutup pintu-pintu dan tingkap.
- g. Arahkan kakitangan/pelatih/kontraktor/pembekal/pelawat berkumpul di "**CHECK POINT**" (*Lampiran 03-01*).
- h. Hubungi pegawai yang bertugas di pondok pengawal keselamatan untuk bantuan. Jika perlu hubungi Jabatan **BOMBA** secara terus.
- i. Matikan semua suis elektrik.
- j. Arahkan Ketua Jabatan/Ketua Bahagian/Ketua Unit/Warden Asrama/Pengurus kantin membuat panggilan baris (roll-call) bagi kakitangan/pelatih/kontraktor/pembekal/pelawat di bawah kawalan masing-masing.
- k. Jangan benarkan sesiapa pun masuk ke bangunan tersebut melainkan yang berkenaan sahaja.
- l. Memberi maklumat kepada Pegawai **BOMBA** mengenapasti keadaan di dalam bangunan.

5.3.7 Tindakan PENGAWAL INSIDEN

- a. Hubungi pihak **BOMBA** sebaik sahaja mendapat maklumat daripada Pegawai-pegawai Insiden.
- b. Sediakan alat memadam kebakaran.
- c. Mengenalpasti tempat pili bomba.
- d. Arahkan Pegawai-pegawai Insiden memadam kebakaran sebelum pihak **BOMBA** masuk.
- e. Arahkan anggota untuk mengawal keadaan lalulintas untuk menyenangkan pihak **BOMBA** masuk.
- f. Dapatkan maklumat tentang panggilan baris (roll-call) sekiranya ada yang tertinggal di dalam bangunan.
- g. Bekerjasama dengan anggota **BOMBA** dalam segala aspek.
- h. Hubungi pihak ambulan bersiap sedia di satu tempat.

 CIAST	PROSIDUR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN	NO. SEMAKAN : 1
	TINDAKAN KECEMASAN KEBAKARAN DAN PENGOSONGAN BANGUNAN	NO. RPD : 0
CIAST-PKKP-03		TKH. KUATKUASA : 01.10.09
		MUKA SURAT : 7 DRPD 9

5.3.8 Tindakan Ketua Program/Ketua Jabatan/Ketua Bahagian/Ketua Unit/Ketua Warden Asrama/Pengurus Kantin

- a. Maklumkan segera kepada Pegawai Insiden/Pegawai-pegawai Insiden.
- b. Arahkan kakitangan/pelatih/kontraktor/pembekal/pelawat menutup pintu-pintu dan tingkap.
- c. Arahkan kakitangan/pelatih/kontraktor/pembekal/pelawat membuat panggilan baris (roll-call) di "**CHECK POINT**" (*Lampiran 03-01*).
- d. Arahkan kakitangan/pelatih/kontraktor/pembekal/pelawat keluar melalui pintu kecemasan sahaja.
- e. Periksa kehadiran kakitangan/pelatih/kontraktor/pembekal/pelawat yang berada di bawah kawalan dengan menggunakan **SENARAI SEMAK KAKITANGAN/PENGHUNI** (*No. Dokumen : BKKP-03-02*).
- f. Maklumkan segera pada Pengawal Insiden/Pegawai-pegawai Insiden jika terdapat kakitangan/pelatih/kontraktor/pembekal/pelawat yang tidak hadir.

PERHATIAN:

Semua Ketua Program/Ketua Jabatan/Ketua Bahagian/Ketua Unit/Ketua Warden Asrama /Pengurus Kantin adalah bertanggungjawab mengisi dan mengemaskini **SENARAI SEMAK KAKITANGAN/PENGHUNI** (*No. Dokumen : BKKP-03-02*) dari semasa ke semasa.

PANDUAN MENYELAMATKAN DIRI SEMASA KEBAKARAN (ASAP)

5.4 Cara-cara bergerak semasa terperangkap di dalam asap.

Di dalam sesuatu kebakaran, asap merupakan ancaman kerana ia bergerak mendahului api, panas, menyesakkan pernafasan serta beracun dan boleh menyekat jalan menyelamatkan diri dari kebakaran. Sebagai panduan menyelamatkan diri dari kebakaran asap, perkara-perkara berikut perlu diberi perhatian;

- a. Bertenang, sabar dan berfikir. Panik atau kelam kabut boleh mengakibatkan anda bertindak dengan cara yang salah.
- b. Sebelum membuka pintu, pastikan dahulu, jika panas biarkan tertutup. Cari jalan lain untuk menyelamatkan diri.

 CIAST	PROSIDUR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN	NO. SEMAKAN : 1
	TINDAKAN KECEMASAN KEBAKARAN DAN PENGOSONGAN BANGUNAN	NO. RPD : 0
CIAST-PKKP-03		TKH. KUATKUASA : 01.10.09
		MUKA SURAT : 8 DRPD 9

- c. Jika terperangkap di dalam asap, rendahkan diri seberapa boleh sebaiknya merangkak di atas lantai dan bernafas pendek-pendek (melalui hidung hingga sampai ke tempat selamat).
- d. Kepulan asap yang banyak biasanya boleh menggelapkan pemandangan. Dalam keadaan demikian, gunakan belakang tangan untuk raba jalan menyusur dinding hingga bertemu pintu keluar.

5.5 Terperangkap Di Dalam Bangunan Terbakar

Jika anda terperangkap di dalam bangunan, semasa berlaku kebakaran anda hendaklah bertindak seperti berikut;

- a. Dapatkan seberapa banyak pintu bertutup di antara anda dengan api. Sebagai makluman, pintu-pintu boleh menjadi penyelamat nyawa anda.
- b. Tutupkan pintu di belakang anda dan jauhkan asap dan bahang. Sumbat celah-celah pintu dan lubang angin dengan kain atau sebagainya bagi mengelakkan asap masuk (pilih bilik yang bertingkap dan tunggu untuk diselamatkan).
- c. Pergi ke tingkap bagi mendapatkan udara bersih dan beri isyarat minta bantuan.
- d. Buka tingkap sedikit di atas dan di bawah untuk membolehkan udara kotor keluar dan udara bersih masuk.
- e. Jika keadaan semakin buruk, pandang keluar tingkap, balut kaki dengan baju, carpet atau sebagainya (basahkan jika perlu) bagi menahan kepanasan.
- f. Jangan cuba terjun dari tingkap atau tingkat yang tinggi. Ramai orang terbunuh kerana tergopoh-gapah terjun. Tunggu BOMBA atau pasukan penyelamat, jika benar-benar tidak ada jalan lain lagi.

6. LAMPIRAN

- | | | |
|--------------------|---|--|
| 6.1 LAMPIRAN 03-01 | - | Tempat Berkumpul “CHECK POINT” |
| 6.2 LAMPIRAN 03-02 | - | Carta Alir Kecemasan Kebakaran
Dan Pengosongan Bangunan |




CIASF

 CIAST	PROSIDUR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN	NO. SEMAKAN : 1
		NO. RPD : 0
CIAST-PKKP-03	TINDAKAN KECEMASAN KEBAKARAN DAN PENGOSONGAN BANGUNAN	TKH. KUATKUASA : 01.10.09
		MUKA SURAT : 9 DRPD 9

7. REKOD KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

TEMPAT BERKUMPUL "CHECK POINT"

"LAMPIRAN 03-01"





PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN
PETI SURAT 7012, JALAN PETANI 19/1,
SEKSYEN 19, 40900 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN
NO. TEL : 03 55438200 NO. FAX : 03 55411508

CARTA ALIR KECEMASAN KEBAKARAN DAN PENGOSONGAN BANGUNAN

